



16

Ruj Tuan :

Ruj Kamil : JK/MP/53(Pelbagai)

Tarikh : 15 Julai 2010

Semua Pesuruhjaya Sumpah
Seluruh Malaysia

Tuan/Puan

PENYELENGGARAAN BUKU DAFTAR PESURUHJAYA SUMPAH

Dengan segala hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Melalui semakan Buku Daftar tahun 2008/2009, didapati segelintir Pesuruhjaya Sumpah tidak mencatatkan sendiri butiran perkhidmatan sebaliknya ditulis oleh deponen sendiri/ setiausaha / ahli keluarga atau lain-lain individu.

Sila rujuk kaedah 13(2) Kaedah-Kaedah Pesuruhjaya Sumpah 1993.

"Dalam menjalankan fungsi-fungsinya, seseorang Pesuruhjaya Sumpah hendaklah sendiri melayan mana-mana orang yang menghendaki perkhidmatannya..."

3. Adalah diingatkan agar tuan/puan dikehendaki untuk mencatatkan sendiri butiran perkhidmatan dan tidak sama sekali meminta orang lain berbuat demikian. Ini bagi mengelakkan kesilapan catatan dan timbulnya prasangka terhadap perkhidmatan Pesuruhjaya Sumpah (contoh : Pesuruhjaya Sumpah tidak dapat bertugas sebaliknya meminta orang lain mengambil alih tugas).

4. Kerjasama tuan/puan amat diharapkan untuk menjaga kepentingan awam amnya dan nama baik badan kehakiman khususnya. Tindakan tegas akan diambil terhadap Pesuruhjaya Sumpah yang didapati melanggar Kaedah-Kaedah Pesuruhjaya Sumpah 1993.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

(~~ASYIDA BINTI ABD RAHIM @ IBRAHIM~~)

Penolong Kanah Pendaftar
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Istana Kehakiman
PUTRAJAYA

s.k

YAA Tun Dato' Seri Zaki Bin Tun Azmi
Ketua Hakim Negara
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Istana Kehakiman
Putrajaya

Y. Bhg Dato' Hashim Bin Hamzah
Ketua Pendaftar
Mahkamah persekutuan Malaysia
Istana Kehakiman
Putrajaya